

Perdana Menteri sebak sentuh isu kemiskinan

Sinar Harian - 13/10/2021

m/s: 8

Seolah-olah terkenangkan semula latar belakang beliau yang lahir daripada keluarga miskin

Oleh HIDAYAH HAIROM & RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebak apabila menyentuh mengenai isu kemiskinan ketika membentangkan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) di sidang Dewan Negara pada Selasa.

Lontaran suara Ahli Parlimen Bera itu jelas kedengaran sebak dan sedih ketika menyebut fokus kelima RMK12 iaitu membasmi kemiskinan tegar dan merapatkan jurang pendapatan.

Seolah-olah terkenangkan semula latar belakang beliau yang lahir daripada keluarga miskin, Ismail Sabri berkata, isu kemiskinan sangat dekat di hatinya.

“Dilahir dan membesar daripada keluarga penoreh getah, saya sangat memahami kesusahan dan kepayahan hidup rakyat.

“Pandemik Covid-19 yang melanda telah meningkatkan kadar kemiskinan, menjejaskan pendapatan individu dan isi rumah seterusnya menghimpit keluarga kita dalam kemiskinan,” katanya.

Berikutan itu, Ismail Sabri merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk, pertumbuhan masyarakat sivil (CSO), badan korporat, orang perseorangan



Suara Ismail Sabri kedengaran sebak ketika menyentuh mengenai isu kemiskinan dalam pembentangan RMK12 di sidang Dewan Negara pada Selasa.

dan majlis agama Islam negeri.

Menurut beliau, kesemua pihak itu sentiasa prihatin dan menyokong kerajaan dalam membantu masyarakat yang terkesan sepanjang pandemik.

Rancangan Malaysia dari 2021 hingga 2025 itu sebelum ini diluluskan di Dewan Rakyat pada Khamis lalu selepas dibentang pada 27 September dan dibahas 106 ahli Parlimen.

Ia yang menjadi landasan hala tuju pembangunan negara untuk lima tahun selepas ini akan melalui sesi perbincangan ahli Dewan Negara sebelum diluluskan di peringkat Dewan Negara.

Ismail Sabri ketika membentangkan perancangan lima tahun berkenaan berkata, RMK12 adalah pelan pembangunan menyeluruh bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan pengagihan

peluang dan hasil lebih saksama.

Bermatlamatkan ‘Keluarga Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan’, beliau berkata, pembaharuan yang diperkenalkan dalam RMK12 meliputi tiga tema dan empat pemangkin dasar serta 14 pemacu perubahan.

“Kerajaan mengambil pendekatan keseluruhan negara melibatkan seluruh jentera dan agensi kerajaan, sektor swasta, akademik, CSO serta rakyat dalam penggubalan dan pelaksanaan rancangan ini.

“Saya sedar Keluarga Malaysia meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan untuk menangani krisis berkembar ini (ekonomi dan kesihatan). Kerajaan akan memperuntukkan RM400 bilion bagi memenuhi keperluan RMK12, terutamanya untuk membiayai projek pembangunan,” kata Ismail Sabri lagi.